

**Muhyiddin Berbuka Puasa Bersama 1,000 Tetamu Di Sri Satria
Bernama
Ogos 09, 2011**

PUTRAJAYA, 9 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berbuka puasa bersama lebih 1,000 warga Kementerian Pelajaran di kediaman rasminya di Sri Satria di sini Selasa.

Turut hadir isteri beliau, Puan Sri Norainee Abdul Rahman, kedua-dua Timbalan Menteri Pelajaran Dr Mohd Puad Zarkashi dan Datuk Dr Wee Ka Siong serta Ketua Pengarah Pelajaran Datuk Abdul Ghafar Mahmud.

Majlis berbuka puasa itu dimulakan dengan tazkirah, diikuti solat Maghrib.

Pada majlis itu, Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran turut menyampaikan sumbangan kepada 81 kanak-kanak di bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.

Mereka terdiri daripada 41 pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) AU Keramat serta masing-masing 20 pelajar SK Dengkil dan SK Merab Luar. -- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=607104>